

Pemuda tegas pegang prinsip agenda Melayu

Oleh FAUZI JAAFAR
(WARTAWAN UTUSAN)

GARANG, berani, lantang dan tegas... itulah yang boleh dilabelkan terhadap Pergerakan Pemuda UMNO dalam perhimpunan agung sayap kanan UMNO itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Garang mempertahankan Islam, berani melaungkan kelemahan Melayu, lantang menyuarakan hak dan tegas memegang prinsip.

Agenda Melayu walaupun diulang-ulang setiap kali perhimpunan, tetapi dengan suntikan baru menjadikannya ia tetap segar dan menarik untuk dibahaskan dan tidak menjemukan. Ini kerana cara penyampaian menyebabkan ia menjadi menarik untuk didengari.

Sebenarnya, orang Melayu sangat jauh ketinggalan dan jauh ditinggalkan dalam negara yang asalnya dinamakan Tanah Melayu. Sudahlah jauh ditinggalkan, malah cuba diinjak-injak dan dipertikaikan cetuanannya di negara sendiri.

Ditinggalkan dalam penguasaan ekuiti dan jurang ekonomi, jelas membuktikan bahawa orang Melayu masih memerlukan bantuan dan panduan daripada kerajaan.

Dalam hal ini, masa semakin suntuk dan rang Melayu memerlukan masa yang agak panjang untuk merapatkan kembali irang tersebut sedangkan Wawasan 2020 akan menjelang dalam tempoh 14 tahun akan datang.

Percaya atau tidak, orang Melayu memerlukan 120 tahun untuk merapatkan jurang pendapatan dengan kaum Cina jika kerajaan tidak membantu untuk merapatkan jurang tersebut.

Malah orang Melayu memerlukan RM1.2 trilion jika mahu mencapai 30 peratus pemilikan ekuiti seperti yang ditekankan

dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Jika pemilikan ekuiti masih dipertikaikan, jika tidak mahu bercakap soal agihan pada satu-satu kaum sahaja, maka ketelusan dalam amalan-amalan diskriminasi yang berlaku dalam pasaran perlu dilihat semula.

Contohnya, fenomena syarikat-syarikat bukan bumiputera yang mensyaratkan bahasa tertentu sahaja sebagai kemestian untuk mendapatkan pekerjaan, seperti yang pernah dibangkitkan Pemuda dulu.

Begitu juga Agenda Melayu dalam Misi Nasional yang dilabelkan tidak mengutamakan bukan Melayu.

"Agenda Melayu dalam misi itu tidak wajar dianggap sebagai *zero sum game* dengan mengatakan hanya orang Melayu sahaja yang untung dan bukan Melayu akan rugi.

"Mereka perlu berani untuk mengakui bahawa sepanjang pelaksanaan DEB, orang bukan Melayu juga turut mendapat manfaat, secara langsung dan tidak langsung melalui projek-projek dalam pelbagai sektor," kata Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Begitu juga dengan isu sensitif seperti isu agama Islam yang dilihat cuba disentuh oleh bukan Islam. Penubuhan Kumpulan Artikel 11 yang bergerak melalui kempen-kempen seluruh negara cukup membimbangkan.

Dalam hal ini, Hishammuddin membuat ketetapan yang sangat jelas iaitu sama sekali tidak akan membiarkan Perlembagaan Negara cuba disentuh dan dimainkan oleh mereka yang cuba bermain 'api'. Malah, sayap kanan parti itu mendesak kerajaan agar menolak terus cadangan penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (IFC).

"Mengenai hal berkaitan cadangan untuk menubuhkan IFC, Pemuda UMNO

mendesak dalam perhimpunan ini agar kerajaan menolak terus cadangan penubuhannya itu," kata Hishammuddin.

Ini kerana kebelakangan ini terdapat pihak-pihak tertentu yang cuba menguji toleransi kerajaan.

Sebagai contoh, isu-isu perkauman dan agama didebatkan tanpa pertimbangan rasional terhadap kesannya kepada hubungan antara kaum di negara ini. Kritikan walaupun kadangkala membina, tapi boleh menjadi dendam.

Kita mungkin lupa bahawa tragedi berdarah 13 Mei boleh berlaku jika isu-isu sensitif dibincangkan tanpa rasional dan menyentuh perasaan kaum lain.

Hishammuddin dalam ucapan dasarnya itu turut menyentuh mengenai perpaduan dan kebimbangannya terhadap tindakan mereka yang cuba mengusik kontrak sosial yang selama ini telah membantu membangunkan negara tanpa menjejaskan mana-mana kaum.

Resipi membangunkan Malaysia di awal kemerdekaan sebenarnya adalah hasil saling faham-memahami kontrak sosial. Tidak ada kaum lain ketika itu yang cuba mempertikaikan atau mengungkit kontrak sosial. Malah parti-parti komponen ketika itu tidak pernah membangkitkan kontrak sosial, apatah lagi untuk membincangkannya secara terbuka kerana ia amat serius dan boleh menjejaskan perpaduan antara kaum.

Kontrak sosial mesti wujud berdasarkan kesungguhan, pengorbanan dan kesediaan untuk membantu mereka yang kurang mampu. Ia akan berjaya sekiranya mendapat sokongan dan kerjasama semua pihak.

Pemuda kini boleh dikatakan mencapai kemuncak perjuangannya. Muncul hebat di 'gelanggang politik' dengan agresif menyebabkan beberapa pihak yang cuba menguji kehebatannya terpaksa mendiamkan

diri.

Masakan tidak, kenyataan Pemuda yang keras terhadap beberapa isu menyebabkan ada parti komponen yang terlanjur atau terlepas cakap terpaksa akur dan mendiamkan diri pada akhirnya.

Sesungguhnya, Pergerakan Pemuda UMNO merupakan sayap parti kanan yang boleh disandarkan, harapan dalam membe-bela nasib bangsa dan agama. Kemampuan Pemuda tidak boleh disangkal dan kejayaannya merupakan kejayaan orang Melayu.

Dalam konteks ini, ucapan Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar dalam satu perjumpaan Pemuda di Muar, Johor beberapa jam sebelum beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir patut direnungi oleh ahli-ahli Pergerakan Pemuda UMNO.

"Perjuangan UMNO seluruhnya dan khasnya Pemuda yang akan menerima pusaka daripada orang-orang yang tua sekarang ini, adalah satu perjuangan yang amat sulit, amat berat dan tidak boleh diambil secara sambil lewa sahaja.

"Dalam perjuangan, kita mestilah serius. Selain dari serius, dalam keadaan serius kita juga, kita mestilah jujur. Inilah dua syarat yang penting untuk mencapai atau sampai ke matlamat yang kita tuju.

Kalau kita tidak serius, (atau) kalau kita serius tetapi untuk kepentingan diri, bencana dan celaka juga padahnya kepada bangsa dan keturunan kita yang akan datang," katanya.